



**PENGERUSI JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT SULONG**  
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN  
50680 KUALA LUMPUR

*Tel* : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)  
*Faks* : 03-2698 9218  
*Emel* : [pacparlimen@parlimen.gov.my](mailto:pacparlimen@parlimen.gov.my)  
*Laman Web* : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

**1 Julai 2019**

**KENYATAAN MEDIA YB DATUK DR NORAINI AHMAD,  
PENGERUSI PARLIMEN MERANGKAP AHLI PARLIMEN PARIT  
SULONG BERHUBUNG KEHADIRAN SAKSI DALAM  
MESYUARAT PROSIDING PAC PARLIMEN**

- 1) Saya ingin memberi ingatan kepada Ketua Setiausaha (KSU) / Ketua Perkhidmatan (KP) selaku Pegawai Pengawal untuk sesbuah Kementerian, Jabatan atau Agensi Kerajaan supaya memberi keutamaan untuk hadir dalam setiap Mesyuarat Prosiding Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen apabila dipanggil sebagai saksi untuk prosiding.
- 2) Ia disebabkan sepanjang saya mempengerusikan Mesyuarat Prosiding PAC Parlimen sejak dilantik sebagai Pengerusi PAC Parlimen pada 11 April 2019 lalu, ada KSU / KP gagal menghadirkan diri dalam Mesyuarat Prosiding yang ditetapkan PAC Parlimen walaupun menerima notis panggilan mesyuarat sekurang-kurangnya tempoh 10 hari seperti yang ditetapkan dalam Peraturan Mesyuarat (PM) 9, Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.
- 3) Sebaliknya, KSU / KP hanya menghantar wakil untuk menghadiri Mesyuarat Prosiding PAC Parlimen.

- 4) Lebih mengecewakan saya dan ahli-ahli PAC, KSU / KP terbabit tidak menjawab surat panggilan mesyuarat PAC yang diserahkan bagi memaklumkan mengenai ketidakhadiran secara rasmi.
- 5) Sikap ini, tidak jelas tidak menghormati Institusi Parlimen, sebagai Badan Perundangan tertinggi negara seperti yang termaktub dalam Sistem Demokrasi Berparlimen yang diamalkan di negara ini.
- 6) Saya ingin menjelaskan bahawa KSU / KP tertakluk kepada Pekeliling Am Bil 2 Tahun 1982 di bawah Perkara 11(b) yang dengan jelas mentakrifkan bahawa KSU adalah juga bertanggungjawab kepada.. “*Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara dalam hal mengawal perbelanjaan dan menyimpan akaun yang betul bagi tiap-tiap tugas yang diselenggarakan;*”
- 7) Pada masa sama, Arahan Perbendaharaan (AP) Perkara 12 juga menetapkan bahawa KSU / KP / Pegawai Pengawal bertanggungjawab terhadap PAC Parlimen, ditakrifkan seperti berikut... “*Mana-mana Pegawai Pengawal boleh dipanggil ke hadapan Jawatankuasa Akaun Awam yang ditubuhkan oleh Badan perundangan yang berkenaan untuk menimbangkan Laporan Ketua Audit negara mengenai akaun awam, dan boleh dikehendaki membantu Jawatankuasa itu dalam penyiasatannya mengenai mana-mana hal perbelanjaan yang membazir, tidak memungut hasil, atau mana-mana perbelanjaan yang dilakukan tanpa kebenaran dalam jabatan atau pejabat di bawah kawalan kewangannya.*”

- 8) Saya memahami kesibukan tugas dan tanggungjawab sebagai KSU / KP dan Jawatankuasa ini, terbuka kepada sebarang cadangan tarikh daripada pihak KSU / KP jika mereka tidak dapat menghadirkan diri dalam tarikh Mesyuarat Prosiding yang ditetapkan PAC.
- 9) Seharusnya, satu surat rasmi daripada pihak KSU / KP diserahkan kepada PAC Parlimen untuk memaklumkan mengenai kehadiran atau cadangan perubahan tarikh kehadiran Mesyuarat Prosiding.
- 10) Atas sebab itu, saya akan menulis surat kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN) mengenai perkara ini, supaya semua KSU / KP memahami tugas serta tanggungjawab mereka untuk hadir dalam Mesyuarat Prosiding PAC.

Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Datuk Dr. Noraini Ahmad  
Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC)  
Parlimen Malaysia